

BAB !

BAB I

PENDAHULUAN

1.0. Latar Belakang Persoalan Kajian

Firman Allah Taala :

يأيها الناس انا خلقناكم من ذكر وأنثى وجعلناكم شعوباً وقبائل
لتعارفوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْقَاصُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ.
(سورة الحجرة (13): 49)

Maksudnya :

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain¹). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya)². Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengertahuanNya”.

(Surah al-Hujurat (13): 49)

Malaysia sebagai sebuah negara majmuk, mempunyai pelbagai kaum dengan adat resam dan budaya yang unik. Kaum Melayu, Cina, India dan kaum-kaum lain adalah warisan budaya yang mempunyai nilai yang sangat tinggi dan memainkan peranan yang sangat penting dalam masyarakat, bangsa dan negara. Ciri-ciri keunikan semua kaum tetap dipertahankan oleh kaum masing-masing dalam adat resam, perayaan, kenduri-kendara dan sebagainya.

¹ Perbezaan bangsa dan suku bangsa, bahasa, dan warna kulit adalah untuk perkenalan dan hubungan baik antara satu sama lain dan bukanlah perbezaan untuk permusuhan dan penindasan antara satu dengan yang lain, penjelasan ini diambil dari H. Zainudin Hamidi, Fahridin HS (1991), *Tafsir al-Qur'an*, Klang: Klang Book Center, h. 760.

² Ibid., h.760.

Di antara beberapa kaum di atas, yang menjadi tumpuan pengkaji sekarang ialah kaum India. Kaum ini, majoritinya beragama Hindu, tetapi ada sebahagian kecil masyarakat kaum India yang menganut agama Islam. Mereka mula datang ke Malaysia semenjak kejayaan kerajaan Melaka bahkan ada yang datang lebih awal daripada itu. Sesetengah daripada mereka datang dari selatan India khususnya dari tempat yang terletak berhampiran pantai Kormandel dan pantai Malabar³.

Masyarakat kaum India yang beragama Islam, bertebaran di seluruh Semenanjung Malaysia. Kaum India Muslim ini terkenal dengan pelbagai kejayaan perniagaan yang dijalankan, terutamanya perniagaan retail dan kedai makan. Mereka ini biasanya dikenal dengan panggilan "mamak", iaitu untuk membezakan antara India Muslim atau non-Muslim.

Di Kuala Lumpur masyarakat kaum India Muslim bermasyarakat dalam komuniti yang lebih besar. Mereka mempunyai masjid sebagai pusat ibadah dan aktiviti agama serta tradisi mereka. Kejayaan perniagaan kaum mamak ini tidak melupakan mereka untuk menjalankan perintah agama, mempertahankan adat resam dan tradisi-tradisi yang lain.

Masjid merupakan simbol kejayaan umat Islam semenjak zaman Rasulullah S.A.W. hingga sekarang. Kemakmuran masjid, khususnya Masjid India, sangat bergantung kepada ramainya bilangan para jemaah yang hatinya sentiasa mengingati Allah untuk selalu sujud dan taat pada Allah S.W.T. Tuhan telah menjelaskan di

³ Aminuddin Abu Bakar (1974), "Suatu Penyiasatan Sosial Ekonomi Mengenai Orang-Orang Muslim Keturunan India di Kuala Lumpur", (Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya, Oktober 1974), h.31.

dalam al-Qur'an mengenai ciri-ciri khusus orang-orang yang memakmurkan masjid sebagaimana yang disebut dalam firman Allah S.W.T. :

إِنَّمَا يَعْمَرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مِنْ أَمْنِ بَالِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ
وَأَتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشِي إِلَّا اللَّهُ فَعْسَى أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُ مِنَ
الْمَهْتَدِينَ.
(سورة التوبة (18): ٩)

Maksudnya:

"Hanyasanya yang layak memamurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk"
(Surah al-Taubah (18) : 9)

Kemakmuran Masjid India yang terletak di tengah-tengah masyarakat India Muslim, secara langsung diimarahkan oleh para jemaah Muslimin dan muslimat India Muslim. Masjid India menjadi tumpuan mereka sebagai tempat mengerjakan ibadah sembahyang fardu lima waktu dan amalan-amalan ibadah lain.

Sebagai sesama Muslim, penulis rasa tergerak hati untuk membuat suatu kajian yang lebih mendalam tentang penghayatan masyarakat India Muslim dalam memahami dan mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan sehari-hari mereka. Justeru itu, penulis menumpukan kajiannya pada sebuah masjid yang bernama Masjid India yang terletak di Jalan Masjid India Kuala Lumpur, kerana ia adalah salah sebuah masjid yang dijadikan oleh masyarakat India Muslim sebagai tempat untuk beribadah dan pusat pengajian Islam.

1.1. Pengertian Tajuk

Di antara tajuk yang menjadi pilihan untuk dijadikan bahan kajian oleh penulis adalah “Penghayatan Islam di kalangan India Muslim di Masjid India”.

Sebelum penulis menjelaskan lebih lanjut tentang kajian ini, penulis akan menghuraikan dan menjelaskan terlebih dahulu tentang pengertian dan istilah-istilah yang digunakan sepanjang penyusunan kajian ini, antaranya ialah Penghayatan, Islam, Masjid, Di kalangan, India Muslim dan Masjid India:

- a. **Penghayatan.** Kata penghayatan menurut kamus al-Munawwir, berasal dari kata *hayah* yang bermakna hidup, subur, rizki⁴. Kata penghayatan menurut kamus dewan mempunyai maksud atau erti mengalami dan merasai dalam batin⁵. Jadi penghayatan yang benar ialah pemahaman yang betul dan pengamalan yang benar dengan sepenuh hati, terhadap suatu perkara, ajaran atau pegangan hidup sehingga menghasilkan kepuasan, kenikmatan dan kemanisan dalam diri sendiri.
- b. **Islam.** Kata Islam berasal dari akar kata *salima*, *salaman*, *wasalamatan* bermakna selamat, bebas, penghormatan.

Dari kata *salima* mendapat tambahan *alif*, menjadi *aslama*, *yuslimu*, *Islam* yang bermakna tunduk, patuh, menyerah, berdamai,

⁴ A.W. Munawir (1997), *Kamus al-Munawwir*, Surabaya: Pustaka Progressif, cetakan keempat, h. 316.

⁵ Teuku Iskandar (Dr) (1994) *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, Cetakan Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h 447

selamat⁶. Perkataan Islam telah diulang beberapa kali dalam al-Qur'an lebih kurang 43 kali dan setiap perkataan Islam dalam al-Qur'an mempunyai makna yang bersesuaian dengan pengertian pada ayat-ayat al-Qur'an, antaranya:

Firman Allah S.W.T.

بِلِيْ مِنْ أَسْلَمْ وَجْهَهُ اللَّهُ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ اجْرٌ هُنْدَ رَبِّهِ
وَلَا خُوفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ.
(سورة البقرة (١١٢) : ٢)

Maksudnya:

"(Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar) bahkan sesiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah (mematuhi perintahNya) sedang ia pula berusaha supaya baik amalnya, maka ia akan beroleh pahalanya di sisi TuhanNya, dan tidaklah ada keimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berduka-cita".
(Surah al-Baqarah (112) : 2)

Firman Allah S.W.T.

رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ وَمَنْ ذَرَيْتَنَا أَمَّةً مُسْلِمَةً لَكَ وَأَرْنَا مَنَاسِكَنَا
وَتَبَّ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ.
(سورة البقرة (١٢٨) : ٢)

Maksudnya:

"Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua: Orang-orang Islam (yang berserah diri) kepadaMu, dan jadikanlah daripada keturunan kami: umat Islam (yang berserah diri) kepadaMu, dan tunjukkanlah kepada kami syariat dan cara-cara ibadah kami, dan terimalah taubat kami; sesungguhnya Engkaulah Maha Penerima taubat, lagi maha mengasihani".
(Surah al-Baqarah (128): 2)

⁶ A.W. Munawir (1997), h. 654.

Firman Allah S.W.T.

إذ قَالَ لَهُ رَبُّهُ أَسْلِمْ، قَالَ أَسْلَمْتُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ.
(سورة البقرة (١٣١) : ٢)

Maksudnya:

“(Ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepadanya: “Berserahdirilah (kepadaKu wahai Ibrahim)” Nabi Ibrahim menjawab: “ Aku berserah diri (tunduk taat) kepada Tuhan Yang Memelihara dan mentadbirkan sekelian alam”.

(Surat al- Baqarah (131) : 2)

Islam pada ketiga-tiga ayat di atas bermaksud patuh atau menyerahkan diri hanya sepenuhnya kepada Allah S.W.T.. Islam adalah salah satu agama samawi yang benar-benar diakui oleh Allah, yang misinya dibawa oleh seorang rasul yang terakhir Nabi Muhammad S.A.W. dan pegangan kitabnya adalah al-Qur'an yang kesahihannya atau kerasionalannya terpelihara semenjak al-Qur'an itu diturunkan hingga sekarang. Islam adalah agama yang direhui oleh Allah dan perkara itu telah ditegaskan dalam firmanya iaitu:

Firman Allah S.W.T.

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ.
(سورة آل عمران (١٩) : ٣)

Maksudnya :

“Sesungguhnya agama (yang benar dan direhui) di sisi Allah ialah Islam ”
(Surah Al-i- 'Imran (19) : 3)

Islam mempunyai ajaran atau syariat yang hakikatnya untuk tunduk, patuh dan menyerahkan diri pada kehendak Allah S.W.T.. Jadi, manusia yang menyerahkan dirinya pada Allah yang maha kuasa adalah seorang

Islam (Muslim). Islam bukanlah agama yang didasarkan pada peribadi individu penyebarnya, melainkan pada Allah S.W.T..

Islam juga memberi erti bahawa agama yang disampaikan adalah oleh Nabi Muhammad s.a.w.⁷ Justeru memang benarlah Nabi Muhammad s.a.w orang yang terpilih untuk menyampaikan petunjukNya, kerana itu sudah tentu akan lebih sesuai untuk menyebut Islam sebagai Allahisme daripada Muhammadisme. Allah adalah pusat dari segalanya di dalam Islam⁸. Jadi penekanan di dalam Islam adalah iman kepada Allah serta kesedaran bahawa hanya Allah yang memiliki kebebasan mutlak, kerana Allah sahaja yang memiliki sifat tersebut yang tidak terhingga⁹.

c. **Masjid.** Perkataan Masjid di sini membawa maksud, bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat jumaat dan ibadah-ibadah lain¹⁰. Perkataan ini juga telah diulang sebanyak 28 kali di dalam al-Qur'an¹¹, kata masjid berasal dari akar kata *sajada, sujudan*, yang bermakna patuh, taat, khidmat, hormat, sujud¹².

Kata *sajada* mendapat tambahan *mim* menjadi *isim* makan (nama tempat) menjadi masjid. Dan penulis akan mengambil contoh makna *sajada* itu dalam al-Qur'an iaitu :

⁷ Teuku Iskandar (Dr) (1994), *op. cit* h 447

⁸ S.H. Nasr (1981), *Islam Dalam Cita dan Fakta*, Jakarta: LEPHENAS, cetakan pertama, h. 3.

⁹ *Ibid.*, h. 5.

¹⁰ Teuku Iskandar (Dr) (1994), *op. cit* h 864

¹¹ M. Qurais Syihab (1998), *Wawasan al-Qur'an; Tafsir Maudhu'i atas Perbagai Persoalan Umat*, Bandung:Mizan, h.459.

¹² *Al-Munawwir*, *op.cit.*,h. 610; *Ibid.*, h. 459.

Firman Allah S.W.T.

وَإِذْ قَلَنَا لِلملائِكَةِ اسْجَدُوا لِآدَمْ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسُ أَبِي وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ
مِنَ الْكَافِرِينَ.
(سورة البقرة (34) : 2)

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) ketika kami berfirman kepada malaikat: “Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam”. Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis; ia enggan dan takbur, dia menjadilah ia dari golongan yang kafir.”

(Surah al- Baqarah (34) : 2)

Perkataan *usjudu* bermakna sujud ! tetapi pengertian sujud di sini bukanlah meletakkan dahi ke bumi seperti sujud dalam sembahyang, kerana sujud yang begitu hanyalah untuk Allah S.W.T. dan tidak boleh dilakukan kepada makhluk. Sujud di sini bererti tunduk dan patuh kepada Adam serta membantunya dalam menjalankan titah perintah Allah di dunia.

Firman Allah S.W.T.

فَأَلْقَى السَّحْرَةُ سَجْدًا قَالُوا أَمْنَا لِرَبِّ هَرُونَ وَمُوسَىٰ.
(سورة طه (60) : 20)

Maksudnya:

“(Nabi Musa pun mencampakkan tongkatnya yang terus menelan segala benda sihir mereka), maka keadaan yang demikian menjadikan ahli-ahli sihir itu segera merubahkan diri sujud sambil berkata: “Kami beriman kepada Tuhan yang mengutus Nabi Harun dan Nabi Musa”.

(Surah Toha (70) : 20)

Firman Allah S.W.T.

يَا مَرِيمُ أَقْتَنِي لِرَبِّكَ وَاسْجُدِي وَارْكَعِي مَعَ الرَّاكِعِينَ.
(سورة آل عمران (43) : 3)

Maksudnya:

“Wahai Maryam! Taatlah kepada Tuhanmu, dan sujudlah serta ruku’lah (mengerjakan sembahyang) bersama orang-orang yang ruku’”.
(Surah Al-i- ‘Imran (43) : 3)

Firman Allah S.W.T.

يَا بْنَى آدَمَ خذُوا زِينَتَكُمْ عَنْ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُّوا وَاشْرِبُوا وَلَا تَسْرُفُوا
إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ.
(سورة لآل اعراف (31) : 7)

Maksudnya:

“Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah bersih pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang) dan jangan pula kamu melampau-lampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas”.
(Surah al- ‘Araf (31): 7)

Sujud merupakan suatu amalan yang membantu melapangkan jiwa supaya bersih dan ini merupakan jalan menuju ke surga. Tetapi *sujud* sebenarnya ialah perbuatan yang diiringi dengan suatu pengertian yang mendalam dalam jiwa yang tertanam dalamnya kebesaran Allah dan keagunganNya, rahmat dan kasih sayangNya yang membawanya tunduk secara mutlak kepada Allah yang maha kuasa. Keagungan Allah dan tunduk-patuhan secara mutlak pada rahmat Allah, termaktub dalam risalah Islam iaitu suruhan-suruhan dan larangannya¹³.

¹³ Syah Abdul Halim Mahmud (1995M), *Al-Islam wa al-‘Aql*, diterjemah oleh Muhammad Fahrurridin Abdul Mukti (terj.), *Islam dan Akal*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 27 – 28.

Dalam konteks mengerjakan ibadah ini, setiap kali mengerjakan sembahyang atau setiap kali pergi ke masjid tempat sembahyang, pakailah perhiasanmu, iaitu pakaian menutup aurat, pakaian untuk menghiasi diri dan juga pakaian batin yang merupakan ketundukan dan keimanan kepada Allah Yang Maha Esa.

Jadi *sujud* di sini adalah suatu amalan yang sangat tinggi nilainya di sisi Allah S.W.T., maka wajarlah kalau kata masjid itu berasal dari kata *sajada*. Masjid adalah sebuah tempat untuk bersujud dan bertakarrub kepada Allah S.W.T., sebab itu pertama kali ketika penyebaran Islam di Madinah, yang dibina oleh Rasulullah adalah masjid. Walaubagaimanapun Rasulullah menjelaskan bahawa bumi Allah seluruhnya boleh dijadikan masjid, maksudnya di mana-mana tempat boleh kita beribadah dan bersujud kepada Allah. Masjid semenjak zaman Rasulullah bukan hanya sebagai tempat beribadah, tapi fungsinya sangat luas iaitu pusat untuk mengatur strategi politik, ekonomi, penyebaran Islam, *syura*, dan sebagainya. Dan Allah S.W.T. menjelaskan dalam firmanya tentang masjid iaitu:

Firman Allah S.W.T.

لَا تَقْعُمْ فِيهِ أَبْدًا لِمَسْجِدٍ أَسْسَ عَلَيِ التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقَّ أَنْ تَقْرَمْ فِيهِ رِجَالٌ يَحْبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يَحْبُّ الْمُطَهَّرِينَ .
سُورَةُ التَّوْبَةِ (108) : 9

Maksudnya:

“Jangan engkau sembahyang di masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya masjid (Qubaa’ yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka(mengambil berat) membersihkan (menyucikan) dirinya; dan Allah Mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)”
(Surah al-Taubah (108) : 9)

Dilihat daripada firman Allah S.W.T. masjid pada hakikatnya adalah tempat melakukan segala aktiviti yang mengandungi kepatuhan kepada Allah S.W.T. semata-mata¹⁴. Pembinaan masjid biasanya dibangunkan di tengah-tengah masyarakat Muslim yang sesuai dengan fungsinya. Di dalam bangunan tersebut dilengkapi dengan berbagai prasarana seperti: tempat wuduk, tandas, dan sebagainya yang bertujuan untuk keselesaan ketika beribadah. Selain itu, masjid juga dijadikan pusat masyarakat Muslim dalam memulakan suatu aktiviti kehidupan setiap hari. Tetapi pada masa ini kesahaman masyarakat muslim terhadap masjid hanyalah sebagai sebuah bangunan yang mempunyai menara dan mihrab serta di dalamnya terdapat beberapa buah kitab suci al-Qur'an, dan disampingnya ada tempat wuduk dan tandas. Dan fungsi masjid hanya untuk menunaikan solat lima waktu, mengerjakan solat Jumaat secara berjemaah dan mempelajari ilmu agama.

- c. **Di kalangan.** Menurut kamus dewan, kalangan bermakna lingkungan atau golongan¹⁵, ia juga boleh diertikan sebagai sesuatu yang menunjukkan kelompok atau sebuah kumpulan yang besar dan umum. Dan boleh jadi erti daripada kalangan adalah menunjukkan suatu komuniti masyarakat tertentu

¹⁴ M.Quraish Syihab, *op. cit.*, h.460.

¹⁵ Teuku Iskandar (Dr.) (1994), *op. cit* h 564

yang mempunyai adat budaya tertentu sehingga membezakan dengan komuniti masyarakat lainnya.

- d. **India Muslim.** Adalah suatu bangsa atau suatu kaum berketurunan India yang menganut agama Islam dan sentiasa berusaha untuk taat pada perintah Allah dan RasulNya. Kedatangan mereka sebagai warganegara Malaysia semenjak penyebaran agama Islam ke wilayah nusantara, khususnya di Tanah Melayu atau negara Malaysia, dan kebanyakannya daripada mereka datang dari selatan India khususnya dari tempat yang terletak berhampiran pantai Kormandel dan pantai Malabar¹⁶.
- e. **Masjid India.** Ialah nama yang diberikan pada sebuah tempat ibadah umat Islam yang majoriti penduduknya adalah orang-orang India atau keturunannya. Masjid India ini telah dibina oleh masyarakat India Muslim yang menetap di sekitar masjid tersebut semenjak kedatangan mereka ke tempat itu. Apa yang menarik dan menjadi keunikan Masjid India ialah dalam soal pengurusan masjid itu adalah menyerupai pengurusan masjid-masjid yang diselenggarakan oleh India Muslim di negara India.

Sehubungan dengan huraian di atas, penulis amat berminat untuk menjalankan pemerhatian terhadap penghayatan dan pengamalan nilai-nilai Islam yang diamalkan oleh India Muslim dengan tumpuan kajiannya pada Masjid India di Jalan Masjid India Kuala Lumpur. Di samping tempat ibadah solat lima waktu dan solat Jumaat berjemaah bagi kaum India Muslim, terdapat amalan yang menarik perhatian penulis ialah soal pengurusan penyelenggaraan Masjid India, di mana ia

¹⁶ Aminuddin Abu Bakar, *op. cit.*, h. 31.

menyerupai penyelenggaraan masjid oleh masyarakat muslim yang ada di negara India.

1.2 Tujuan Kajian

Tujuan penulisan kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana peranan jawatankuasa dan para jemaah India Muslim dalam mengimarahkan masjid mengikut amalan dan budaya mereka dalam menunaikan ibadah solat lima waktu dan amalan-amalan lain. Penulis juga ingin melihat bagaimana peranan yang dimainkan oleh para jemaah masjid khususnya India Muslim dalam menghayati ajaran-ajaran Islam di dalam kehidupan mereka setiap hari terutamanya ketika diamalkan di Masjid India.

1.3 Objektif Kajian.

Dalam usaha menyediakan penyelidikan ilmiah ini terdapat beberapa objektif kajian yang telah digariskan oleh penulis. Di antara tujuan utamanya adalah untuk memenuhi kehendak pihak Akademi Pengajian Islam sebagai syarat bagi memeperolehi Ijazah Sarjana Usuluddin. Selain daripada itu, penulis juga ingin melihat sejauh mana konsep penghayatan Islam yang diamalkan oleh Masyarakat India Muslim dalam semua aspek kehidupan mereka di tempat kajian. Seterusnya beberapa objektif lain yang telah disusun oleh penulis seperti di bawah.

- a. Mengkaji sejauh mana konsep penghayatan Islam di kalangan India Muslim tentang perkara yang berkaitan dengan ibadah, muamalah, pembinaan keluarga, sosial kemasyarakatan, pendidikan, ekonomi dan politik.

- b. Mengkaji sejauh mana pengamalan ajaran Islam yang dilakukan oleh masyarakat India Muslim dalam kehidupan sehari-hari.
- c. Mengkaji tentang sejarah timbulnya idea pembinaan Masjid India dan pengurusannya yang dilakukan oleh masyarakat India Muslim.
- d. Menjelaskan kepada masyarakat umum tentang sejarah kewujudan Masjid India serta pengurusannya adalah terdiri daripada masyarakat India Muslim.
- e. Mengkaji peranan imam dan aktiviti keagamaan yang dijalankan di Masjid India dari segi keberkesanannya dan sambutan para jemaah yang hadir serta permasalahan yang timbul dalam konteks penyebaran agama Islam.
- f. Menganalisa bentuk-bentuk permasalahan dan persoalan-persoalan yang timbul dikalangan masyarakat India Muslim dan bagaimana cara mengatasinya.
- g. Memberi penjelasan kepada masyarakat India Muslim pentingnya memakmurkan masjid dan pengamalan nilai-nilai Islam dalam kehidupan sehari-hari.
- h. Mengharapkan hasil kajian ini agar dapat dimanfaatkan sebagai bacaan dan bahan kajian atau sumber rujukan oleh para ilmuan Muslim umumnya yang cinta akan sejarah dan tamadun Islam dan khususnya bagi peribadi penulis untuk memperkayakan khazanah keilmuan penulis dalam bidang sejarah dan tamadun Islam. Di samping itu untuk pihak pengurusan Masjid India sebagai bahan rujukan dalam meningkatkan syiar agama Islam dikalangan umat Islam umumnya dan khususnya di kalangan India Muslim.

1.4 Kajian-kajian Terdahulu.

Sepanjang penelitian yang telah dijalankan, penulis belum mendapati adanya hasil penyelidikan mengenai penghayatan Islam di kalangan India Muslim. Bahkan, belum dijumpai hasil penyelidikan dan pengkajian terhadap penghayatan India Muslim di Masjid India Kuala Lumpur.

Walaubagaimanapun penulis mendapati ada beberapa kajian tentang peranan masjid dan kajian itu bertajuk: *Masjid Jamek, Sejarah, Reka Bentuk dan Hubungannya dengan Seni Bina Islam*, yang ditulis oleh Siti Maryam Sariman pada tahun 1996M dan kajian yang bertajuk: *Institusi Masjid; Peranan dan Keterlibatannya dengan Isu-isu Semasa, satu Kajian di Masjid Negara*, yang ditulis oleh Syahrin Yasin pada tahun 1999M. Terakhir ada juga kajian mengenai pengurusan masjid yakni bertajuk: *Pengurusan Masjid Syah Alam Khusus kepada Masjid Salahuddin Azizi Syah*, oleh Siti Mastura Rasiman pada tahun 1997M.

Ketiga-tiga kajian tersebut hanyalah bersifat kajian mengenai peranan masjid dengan melihat kepada isu-isu masa kini. Mereka juga menfokuskan kajian kepada sejarah penubuhan masjid, peranan masjid dan pengurusan masjid tersebut, tanpa membincangkan atau memfokuskan pada penghayatan atau pengamalan Islam yang diamalkan oleh para jemaah yang hadir di masjid tersebut. Walaupun demikian, ketiga-tiga kajian itu dijadikan rujukan oleh penulis untuk memulakan kajian dan metodologi pengkajian dalam mengumpulkan data-data dan sedikit maklumat mengenai peranan institusi masjid secara umum.

1.5 Skop Kajian

Dalam ruang lingkup kajian ini, penulis akan menumpukan kepada satu lokasi kajian khusus iaitu Masjid India yang terletak di Jalan Masjid India Kuala Lumpur untuk menjelaskan tentang penghayatan Islam di kalangan masyarakat India Muslim secara umum di tempat kajian dan masyarakat Islam di sekitarnya. Alasan utama penulis memilih Masjid India di Jalan Masjid India Kuala Lumpur sebagai tempat kajian adalah disebabkan keadaan lokasinya yang sangat strategik dan menjadi tumpuan ramai masyarakat India Muslim samada daripada Kuala Lumpur mahupun daripada India khususnya para imam, tabligh dan orang-orang awam yang datang untuk menziarahi saudara-mara serta tak kurang juga pelancong-pelancong yang datang daripada India singgah di masjid tersebut untuk menunaikan sembahyang atau mengikuti pengajian agama. Dalam kajian tentang penghayatan Islam terhadap masyarakat India Muslim, penulis akan menyentuh mengenai keadaan biodata populasi penduduk, konsep amalan ibadah yang diamalkan, ciri-ciri berpakaian sama ada pakaian untuk sehari-hari ataupun untuk beribadah, penjagaan kebersihan, serta budaya dan amalan yang dilakukan oleh masyarakat India Muslim.

Penulis juga akan menjelaskan tentang pembinaan dan pengurusan Masjid India serta peranannya dalam meningkatkan dakwah Islamiyyah di kalangan masyarakat India Muslim khususnya dan masyarakat Islam umumnya. Di samping itu penulis akan mengkaji juga tentang permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat India Muslim secara umum dan bagaimana cara mengatasinya. Akhirnya penulis akan memberikan idea sebagai suatu rangka cadangan untuk memupuk penghayatan dan pengamalan Islam yang mendalam dalam kehidupan sehari-hari samada dalam

kehidupan sesebuah keluarga, masyarakat dan negara sehingga mampu meningkatkan *ukhuwwah Islamiyyah*.

1.6 Metodologi Kajian

Metodologi bermaksud suatu keadaan atau metod untuk menjalankan penyelidikan. Ada beberapa metod dalam penyelidikan yang boleh digunakan dalam menjalankan kajian ilmiah, di antaranya adalah penyelidikan perpustakaan (*library research*) dan penyelidikan lapangan.

1.6.1 Penyelidikan Perpustakaan (*library research*)

Penyelidikan perpustakaan yang digunakan dalam bab dua, membincangkan mengenai sejarah pembinaan Masjid India, sejarah kedatangan India Muslim di Malaysia, budaya dan amalan masyarakat India Muslim di Malaysia. Dalam penyelidikan perpustakaan ini sumber-sumber yang berautoriti, iaitu tulisan-tulisan klasik yang sesuai dengan pembahasan penulis di atas, misalnya: Khoo Kay Kim dalam bidang Sejarah Malaysia, Abu Daud; Sunan Abu Daud, Beirut :*Dār al-Kutub al-Imāmah*, dan banyak lagi buku-buku yang berkaitan dengan kajian penulis. Di samping itu, sumber yang tidak berautori iaitu selain daripada yang disebut di atas seperti tulisan oleh mereka yang tidak dikenali dalam bidang-bidang yang berkenaan.

Terdapat beberapa perpustakaan yang digunakan oleh penulis semasa membuat penyelidikan untuk mencari sumber-sumber kajian, di antaranya: a) Perpustakaan Utama Universiti Malaya b) Perpustakaan Negara, c) Perpustakaan

Awam Pusat Islam, d) Perpustakaan Universiti Islam Antarbangsa e) Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia f) Perpustakaan Majalah Berjilid Institut Pengajian Tinggi.

Dalam kajian perpustakaan ini penulis akan membahagikan kepada dua kajian iaitu, kajian sejarah dan kajian dokumentasi.

1.6.1.1 Kajian Sejarah

Kaedah sejarah ini digunakan oleh penulis untuk mengkaji dan menelaah data-data yang berupa manuskrip-manuskrip peninggalan masa lampau dan bukti-bukti sejarah yang akan dijadikan sumber data dalam kajian penulis.

1.6.1.2 Kajian Dokumentasi

Kaedah ini dipakai untuk mengumpulkan data-data yang sudah berlaku pada masa yang sudah lepas, jadi penulis akan meneliti fail-fail yang masih ada kaitannya dengan kajian yang sedang dibuat oleh penulis.

1.6.2 Kajian Lapangan

Penyelidikan lapangan yang akan dilakukan oleh penulis pada bab tiga nanti yang mana penulis akan terus kepada lokasi kajian iaitu Masjid India di Jalan Masjid India Kuala Lumpur dan masyarakat sekitar masjid tersebut. Tujuan kajian ini adalah supaya penulis mendapatkan data-data yang sah dan mampu

dipertanggungjawabkan kebenarannya. Dalam pengumpulan data ini terdapat beberapa metod dan kaedah-kaedah yang akan dipakai oleh penulis di dalam menjalankan kajian luar tersebut iaitu:

1.6.2.1 Metod Penentuan Subjek

Untuk melakukan penyelidikan dan pengumpulan data, pengkaji akan menentukan subjek yang akan dikaji iaitu: mengenai penghayatan dan pemahaman India Muslim terhadap ajaran-ajaran Islam dan peranan Masjid India dalam menyiaran dakwah Islamiyyah di kalangan mereka dan masyarakat sekitarnya. Borang kaji selidik akan diedarkan kepada jemaah masjid di Masjid India untuk mengetahui sejauhmana tahap pemahaman rohani yang mereka lakukan di sana. Data selanjutnya dikumpulkan dan diteliti dengan cermat samada ia dapat menyokong atau tidak menyokong subjek dalam penyelidikan ini.

1.6.2.2 Metod Pengumpulan Data

Untuk mencapai matlamat kajian yang dibuat, penulis mengadaptasikan dan mewujudkan penggunaan beberapa metod atau kaedah pengumpulan data yang berkaitan dengan pembahasan tajuk di atas. Data-data yang diperoleh akan berpandukan kepada sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer adalah sumber yang pertama: al-Qur'an, al-Hadits, buku klasik, dokumen-dokumen di Jabatan Agama Islam Malaysia, Jabatan Banci, Badan warisan Malaysia dan sebagainya.

Sumber sekunder ialah sumber kedua seperti: majalah, artikel, akhbar-akhbar, monograf kertas seminar, dan sebagainya. Dan untuk pengumpulan data di lapangan ada beberapa kaedah-kaedah yang dipakai oleh penulis iaitu seperti berikut:

1.6.2.2.1 Kaedah Soal Selidik

Dalam soal selidik ini, penulis akan menyediakan format yang menarik berupa borang untuk dibahagikan kepada 40 responden, dan didahului oleh keterangan yang menjelaskan kajian secara umum, jaminan kerahsiaan dan sebagainya. Pengkaji akan memberi masa selama 7 hari kepada responden untuk mengisi borang tersebut. Untuk mengelakkan daripada tindakan responden yang menipu jawapan, pengkaji membuat suatu soalan *cross check* yang boleh mengetahui apakah responden memberi jawapan yang sebenar atau tidak. Dengan demikian pengkaji akan mendapatkan data-data yang sah dan terjamin keasliannya.

1.6.2.2.2 Kaedah Temu Bual

Sebelum mengadakan temu bual, penulis akan menyiapkan bahan-bahan yang akan ditanyakan kepada responden. Setelah itu penulis akan memilih responden yang akan ditemubual. Dalam temu bual penulis akan melakukan dengan secara tidak formal supaya penulis tidak terasa kaku, sehingga penulis akan mendapat matlamat, data, keterangan dari responden sesuai dengan apa yang diharapkan.

1.6.2.2.3 Kaedah Observasi

Dalam pengumpulan data ini penulis dengan menggunakan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian. Kaedah ini juga dipakai untuk meneliti dan mengamati secara tidak langsung segala aktiviti kegiatan yang berlangsung di tempat kajian.

1.6.2.3 Metod Analisa Data

Setelah data-data itu dikumpulkan, maka data-data itu perlu diolah dan dianalisis dengan melalui metod-metod sebagai berikut :

1.6.2.3.1 Metod Induktif

Berasaskan metod ini, setelah maklumat dikumpulkan secara tersusun, penulis akan menjelaskan dan menguraikan data-data yang bersifat khusus untuk menggambarkan sesuatu konsep yang bersifat umum. Kaedah ini cukup penting untuk mendapatkan analisa yang benar daripada premis-premis yang didapati daripada hasil penyelidikan.

1.6.2.3.2 Metod Deduktif

Dalam menggunakan metod ini untuk menganalisis data atau maklumat-maklumat yang masih meliputinya lebih umum, penulis akan menghuraikan maklumat itu sehingga mendapatkan suatu kesimpulan yang boleh menggambarkan suatu maklumat yang bersifat khusus.

1.6.2.3.3 Metod Komparatif

Metod ini merupakan cara untuk mendapatkan dan membuat suatu kesimpulan, di mana penulis akan mengumpulkan data-data yang bersesuaian tapi dari sumber-sumber data yang berlainan. Kemudian penulis menganalisa dan membandingkan di antara data-data itu, sehingga penulis akan mengambil suatu kesimpulan mana data yang bersesuaian dan sah untuk membuat suatu kajian yang berkenaan dengan tajuk di atas.

1.7 Susunan Penulisan

Dalam penulisan tesis ini, penulis akan berpandukan kepada buku panduan penulisan tesis atau disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang telah disediakan. Susunan penulisan ilmiah ini dimulakan dengan halaman tajuk, abstrak, penghargaan, daftar isi, senarai lampiran, senarai jadual dan daftar singkatan, kemudian diikuti dengan pembahasan dalam empat bab, di mana setiap bab memberi perhatian kepada perkara-perkara yang telah disusun seperti berikut:

1.7.1 (a) Bab Pertama

Bab pertama ini merangkumi hal-hal yang berkaitan dengan huraiān secara am tentang perkara-perkara yang dibahaskan dalam penyelidikan ini, ia terdiri daripada 7 judul: Latar Belakang Pesoalan Kajian, Pengertian Tajuk,Tujuan, Objektif, Skop Kajian, Metodologi dan Susunan Penulisan.

Dalam Metode Kajian, penulis akan membahagi kepada dua bahagian judul, iaitu: Kajian Perpustakaan dan Kajian Lapangan. Pertama mempunyai dua bahagian yakni Kajian Sejarah dan Kajian Dokumentasi. Sementara itu, kajian kedua dibahagi kepada 3 metod seperti berikut, a) Metod Penentuan Subjek, b) Metod Pengumpulan Data, dalam hal ini terdiri daripada 3 kaedah, kaedah soal selidik, kaedah temubual dan kaedah observasi, c) Metod Analisa Data, dibahagi kepada 3 kaedah, kaedah induktif, kaedah deduktif dan kaedah perbandingan.

1.7.2 (b) Bab Kedua

Bab Kedua merupakan Latar Belakang Kajian, di mana penulis akan memberi perhatian mengenai lokasi kajian, biodata populasi penduduk, sejarah kedatangan India Muslim, sejarah pembinaan Masjid India, pengurusan masjid dan carta organisasi, dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di masjid. Penulis menyusun perkara-perkara di atas dalam 8 judul, iaitu: 1) Pendahuluan; 2) Lokasi Kajian; 3) Biodata Populasi Penduduk, terdiri dari 3 perkara penting yang dikaji yakni pendidikan, ekonomi dan politik masyarakat; 4) Sejarah Kedatangan India Muslim, dalam hal ini penulis memberikan gambaran sejarah masyarakat India Muslim di Nusantara secara am dan di Malaysia secara khas, kemudian mengaitkan sejarah India Muslim dengan golongan “Mamak”; 5) Sejarah Pembinaan Masjid India, dalam tajuk ini, penulis memberi perhatian pada struktur pembinaan Masjid India dan pembiayaan pembinaan Masjid India; 6) Pengurusan Masjid dan Carta Organisasi; 7) Kemudahan-kemudahan yang terdapat di Masjid India; dan 8) Kesimpulan, merupakan kesimpulan yang

diambil dalam kajian di bab II agar dapat mempermudahkan penyusunan penulisan tesis ini.

1.7.3 (c) Bab Ketiga

Bab ketiga ini penulis akan menfokuskan kepada Penghayatan Islam di Kalangan India Muslim di Masjid India, bab ini merupakan inti pembahasan tesis ini. Dibahagi kepada 6 bahagian, iaitu, 1) Pendahuluan; 2) Peranan Masjid dalam penghayatan Islam; 3) Program Ibadah yang dilaksanakan, pada bahagian ini penulis memberi perhatian pada perkara-perkara seperti berikut, a) Solat Fardhu 5 Waktu; b) Solat Jumaat; c) Kuliah Agama; d) Tazkirah dan Amalan Dakwah; e) Amalan pada Bulan Ramadhan; f) Zakat, Infaq dan Sedekah; 3) Ciri-Ciri Berpakaian ketika Beribadah, dibahagi kepada dua bahagian, iaitu fesyen pakaian dan warna; 4) Tinjauan dari Sudut Kebersihan dan Keceriaan, terdiri daripada: Tempat Solat, Tempat Wuduk dan Tandas, Tempat Menyimpan Alas Kaki, dan Persekuturan Luar Masjid; 5) Budaya dan Amalan Masyarakat India Muslim di Tempat Kajian, penulis membahagi kepada dua bahagian iaitu, pengkelasian sosial masyarakat India Muslim dan Adat Resam dan Amalan Harian. Yang kedua, Adat Resam dan Amalan Harian, dibahagi kepada 5 bahagian seperti berikut: Perkahwinan, Kenduri-Kendara, Perayaan, Kelahiran dan Kematian; 6) Masalah-masalah yang dihadapi India Muslim dan cara Mengatasinya.

1.7.3 (d) Bab Keempat

Bab Keempat mengandungi Rumusan dan Cadangan, bab ini merupakan kesimpulan / rumusan, cadangan dan penutup bagi seluruh kajian dalam penulisan tesis ini, kemudian dilengkapi dengan bibliografi dan lampiran-lampiran.